

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 15 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pembuangan pekerja sehingga 31 Julai 2017 dan apakah pembelaan yang dilakukan Kementerian Sumber Manusia untuk membantu mereka.

PR-1353-L02925

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tempoh Januari hingga 31 Julai 2017 seramai 22,965 pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut seramai 20,789 (91%) pekerja terlibat dalam pemberhentian biasa, manakala seramai 2,178 (9%) pekerja terlibat dalam pemberhentian secara sukarela (VSS).
2. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan iaitu sebanyak 17,405 (76%). Diikuti dengan sektor Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dan Minuman iaitu sebanyak 970 (4%) pekerja dan sektor Perlombongan dan Pengkuarian sebanyak 633 (3%) pekerja .
3. Majikan diwajibkan mengemukakan notifikasi kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sebagaimana kewajipan majikan mengemukakan laporan secara bertulis menurut Seksyen 63, Akta Kerja 1955 (Akta 265) sekiranya menjalankan tindakan pemberhentian. Sekiranya pemberhentian pekerja dilaksanakan dan dalam masa sama masih lagi beroperasi di dalam syarikat lain maka pekerja yang terlibat berhak untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atas tindakan pemberhentian yang dianggap dilaksanakan secara tidak adil dan tuntutan untuk dipulihkan semula pekerjaan.

4. Di samping itu, dalam usaha Kerajaan menambah baik sistem perlindungan sosial kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (RUU SIP) 2017 bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan menampung kos sara hidup selepas diberhentikan dan pada masa yang sama membantu pekerja tersebut kembali ke alam pekerjaan dengan segera.

5. RUU SIP 2017 telah dibentangkan untuk Bacaan Pertama pada 1 Ogos 2017. Bacaan Kedua dan Ketiga telah ditangguhkan ke sesi Mesyuarat kali ini bagi membolehkan Kerajaan membuat pindaan sewajarnya kepada RUU dengan mengambil kira pandangan pihak *stakeholders*.